

KOMUNIKASI MORAL LEWAT GURINDAM DUA BELAS RAJA ALI HAJI

ZUBIR IDRIS
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Artikel ini ini membicarakan tentang bagaimana *Gurindam Dua Belas* Raja Ali Haji dapat berfungsi sebagai saluran komunikasi terhadap khalayak. Perisian dalam gurindam yang sarat dengan moral merupakan satu kaedah bagaimana pengarangnya mengajukan gurindam sebagai medium komunikasi yang berkesan bagi menyampaikan mesej kepada khalayak. Perbincangan artikel ini menggunakan pendekatan moral untuk melihat bagaimana gurindam dapat memberi sumbangan kepada peradaban manusia, khususnya dalam hal yang berkaitan dengan pembinaan insaniah manusia. Hasil daripada kajian mendapati *Gurindam Dua Belas* Raja Ali Haji begitu sarat sekali dengan persoalan-persoalan moral/akhlak yang dapat membentuk pembinaan sahsiah sesuatu bangsa. Tanggungjawab ibu bapa terhadap anak dan tanggungjawab anak terhadap orang tuanya, adab berbicaradan menjauhi sikap buruk sangka adalah antara perisian yang terdapat dalam gurindam yang boleh menjadi medium berkesan sebagai alat komunikasi moral dalam kehidupan sehari-hari.

Kata kunci: *Gurindam, komunikasi moral, pembinaan insan, moral/akhlak, medium komunikasi*

COMMUNICATING MORAL VALUES IN RAJA ALI HAJI'S GURINDAM DUA BELAS

Abstract

This article explores the functions of Raja Ali Haji's *Gurindam Dua Belas* as a medium of to the audience communication. It argues that since the gurindam convention is instructively laden with ethical-moral values, it therefore lends itself as an effective mode of expression for the poet in communicating his thoughts to his audience. This argument will be explicated through the moralist approach that focuses on the ethical-moral functionality of the gurindam in the development of human capital. The findings have shown that Raja Ali Haji's *Gurindam Dua Belas* are well-endowed with ethical-moral issues and perspectives that may even benefit the development of the nation. Besides that, obedience to one's parents, good mannerism and avoidance of prejudice are also salient themes in gurindam that can be effectively deployed as one's everyday communicative moral device.

Keywords: *Gurindam, moral communication, human development, moral attitude, communication medium*

PENGENALAN

Antara fungsi utama karya sastra ialah untuk dibaca supaya segala perisian dalam karya tersebut dapat diapresiasi, dihayati dan dinikmati. Perisian berkenaan seperti bahan, logika serta segala macam perutusan menjadi subjek yang sudah pastinya diberi perhatian dan dibincangkan. Bersesuaian dengan peranan sastra untuk membimbing masyarakat pembaca, antara hal-hal yang menjadi pusat perbincangan ialah persoalan, pemikiran, tema, idea, perutusan, falsafah, mesej dan sebagainya. Unsur-unsur yang terkumpul inilah yang akhirnya membentuk moral sesebuah karya (Mana Sikana, 1998: 104).

Sejajar dengan kenyataan tersebut, tulisan ini bertujuan melihat serta menilai adakah karya kesusasteraan Melayu tradisional iaitu gurindam dapat memenuhi fungsi sesebuah karya; iaitu membimbing masyarakat pembaca berdasarkan pembentukan moral menerusi persoalan dan pemikiran yang terkandung di dalamnya. Untuk menjawab persoalan ini, pendekatan moral digunakan untuk melihat bagaimana gurindam dapat berfungsi sebagai medium komunikasi yang berkesan dalam menyalurkan maklumat yang berkaitan moral bagi membentuk kesempurnaan sahsiah dan membina keperibadian sesuatu bangsa. Peranan gurindam sebagai medium komunikasi juga dilihat dalam

konteks bagaimana ia dapat bertindak sebagai “komunikasi moral” berdasarkan pilihan kata-kata seperti diksi, perlambangan dan sebagainya yang terdapat dalam gurindam tersebut. Hal ini bersesuaian dengan takrifan oleh Norhuda Salleh (2014) yang mengatakan, “Bentuk komunikasi yang terdiri daripada lambang ini memberi makna simbolik terhadap hubungan manusia dengan alam. Hal demikian sejajar dengan tiga fungsi komunikasi bukan lisan iaitu menjelaskan (define), mengawal (regulate) dan pesanan itu sendiri (be the message).”

TAKRIF MORAL

Menurut Sidi Gazalba, moral adalah, “ide-ide umum yang diterima tentang tindakan manusia, mana baik dan wajar. Ianya pula bersesuaian dengan ukuran-ukuran tindakan yang umum diterima oleh kesatuan sosial atau lingkungan tertentu” (1974: 396). Berdasarkan kenyataan beliau ini, secara umumnya bolehlah dikatakan bahawa moral dalam pengertian falsafahnya bermaksud -- satu konsep yang telah dirumuskan oleh sesebuah komuniti, sosial dan budaya bagi menentukan kebaikan dan keburukan untuk diteladani dan disempadani setiap anggota masyarakat.

Berhubung pendekatan moral pula, Mana Sikana (1998: 105-108) antara lain menekankan:

1. Hasil sesebuah karya sastera adalah ciptaan yang harus disanjung dan dimuliakan. Kemuliaan ini pula adalah disebabkan adanya unsur-unsur falsafah dan pemikiran yang menjadi tulang belakang karya tersebut yang akhirnya menjadi neraca yang menentukan nilainya sebagai sebuah karya yang bermoral.
2. Isi sesebuah karya adalah lebih penting daripada bentuk; yang ditentukan pula oleh corak dan aliran masyarakat waktu itu (lebih-lebih lagi persoalan yang jadi topik semasa). Dengan kecenderungan ini, pendekatan ini melihat sastera sebagai suatu sumbangan ke arah pembentukan masyarakat yang sensitif pada zamannya.
3. Pendekatan ini menganalisis sastera dari sudut didaktis; dengan memberi keutamaan kepada karya yang penuh dengan pengalaman benar, berfakta serta berisi dengan kebijaksanaan dan kepintaran, yang akan dijadikan sebagai bahan pemikiran oleh para pembacanya. Moral inilah kelak yang akan mendidik, mengajar, membimbing dan memandu pembaca dan juga penulisnya.
4. Pendekatan moral memasuki bidang kritikan sastera dengan empat dasar:
 - i. karya sastera sebagai sumbangan bagi meninggikan tamadun manusia
 - ii. untuk membangunkan aspek-aspek kemasyarakatan
 - iii. mencemerlangkan aspek pensejarahan sesuatu bangsa
 - iv. iv. memajukan moral atau akhlak secara universal

Berdasarkan keempat-empat konsep atau prinsip utama tersebut, dapatlah dirumuskan betapa pendekatan moral melihat karya-karya sastra (tanpa mengira apa jua bentuknya sama ada prosa atau puisi) haruslah diperkayakan dengan elemen-elemen yang dapat membina sahsiah seseorang individu mahupun masyarakat. Konsep-konsep ini haruslah mengandungi nilai-nilai didaktik yang boleh sahaja wujud dalam bentuk-bentuk pengajaran, doktrin, falsafah dan apa sahaja yang boleh mengesani terhadap khalayak pembaca agar bertindak dan bertingkahtlaku mengikut landasan yang telah ditentukan; sama ada landasan yang terikat kepada norma-norma masyarakat atau pun landasan yang telah ditentukan oleh agama.

Bertitik-tolak dari premis inilah, tulisan ini cuba melihat tendensi karya-karya yang terhimpun dalam khazanah kesusasteraan Melayu tradisional, antara lainnya seperti gurindam berfungsi sebagai medium yang mempunyai ketinggian moral, yang diharapkan dapat memberi manfaat kepada khalayak pembaca atau pendengar.

LATAR BELAKANG RAJA ALI HAJI DAN GURINDAM SEPINTAS LALU

Raja Ali Haji (penasihat utama kepada sepupunya Yang Dipertuan Muda Raja Ali (1845-57) adalah antara tokoh yang istimewa pernah dilahirkan oleh Kerajaan Kesultanan Melayu Riau (1809-1970). Ketokohan beliau bukan sahaja dapat dilihat dalam bidang pentadbiran tetapi juga dalam bidang penulisan (Abu Hassan Sham, 1993 : 86). Mohd. Taib Osman (dlm. Abu Hassan Sham, hlm. 86) menyifatkan beliau seorang pujangga yang terakhir sekali dalam peradaban Melayu lama. Menurut beliau:

Pujangga adalah suatu tokoh seorang intelektual dalam dunia klasik: beliau bukan sahaja seorang penulis ataupun seorang sejarawan, tetapi seorang yang memberikanendorongan intelektual kepada istana di mana beliau berkhidmat.

Raja Ali Haji sesungguhnya menepati istilah «Pujangga» tersebut kerana beliau merupakan seorang intekek yang mempunyai bakat kepengarangan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Beliau bukan sahaja dikenali sebagai penulis buku «sejarah» (*Tuhfat al-Nafis* dan *Salasilah Melayu dan Bugis*) tetapi juga dalam bidang tatabahasa (*Bustanu'l-katibin* dan *Kitab Pengetahuan Bahasa*) dan ketatanegaran (*Muqaddimah fi Intizam* dan *Thamaratu'l al-Muhimmah*). Beliau juga berbakat tinggi dalam penulisan puisi. Antara puisi-puisi beliau ialah *Inilah Ikatan Dua Belas Puji*, *Syair Abdul Muluk*, *Syair Hukum Faraid*, *Syair Siti Sianah*, *Syair Suluh Pegawai* dan *Gurindam Dua Belas*.

Gurindam Dua Belas merupakan karya beliau yang terkenal, yang terkarang kira-kira dalam tahun 1846. Suatu hal yang istimewa, beliau adalah sarjana Melayu yang awal yang cuba memberi definisi puisi gurindam:

Adapun gurindam itu iaitu perkataan yang bersajak juga pada

akhir pasangannya tetapi sempurna perkataannya dengan syarat dan sajak yang kedua itu seperti jawab.

Dalam definisi di atas, beliau mahu membezakan dengan syair yang mengikut beliau «perkataan yang bersajak yang sempurna perkataan pada satu-satu pasangannya». Jika berdasarkan definisi ini, gurindam dibezakan dengan syair ialah terletak pada baris kedua. Dalam gurindam, baris kedua adalah sebagai jawapan kepada baris pertama, manakala syair tidak berkehendakkan jawapan tersebut (Abu Hassan Sham, 1993 : 90).

Ringkasnya, menurut Raja Ali Haji, gurindam ialah satu bentuk puisi Melayu yang terdiri dari dua baris yang berpasangan, bersajak atau berima dan memberikan idea yang lengkap atau sempurna dalam pasangannya. Dengan keadaan yang demikian, baris pertamanya dapat dianggap sebagai syarat (protasis) dan baris kedua sebagai jawab (apodosis) (Harun Mat Piah, 1989 : 313).

Tulisan ini tidak membincangkan tentang bentuk, asal-usul serta ciri-ciri gurindam Melayu, sebaliknya lebih cenderung menjuruskan perbincangan ini kepada persoalan-persoalan yang menyentuh tentang pemikiran khususnya yang berkaitan dengan soal-soal akhlak dan moral. Fokus kajian tertumpu bagaimana gurindam mempunyai pertautan erat dengan nilai-nilai positif yang dapat memberi kesan terhadap pembentukan keperibadian bangsa; bersesuaian dan menepati seperti apa yang disarankan melalui pendekatan moral seperti yang telah dinyatakan pada bahagian awal perbincangan; bahawa sesuatu hasil karya seharusnya berisikan pengalaman dan fakta yang berteraskan kebijaksanaan dan kepintaran guna untuk membimbing para khalayak sama ada pendengar atau pembaca. Antara persoalan yang menjadi fokus perbincangan adalah tentang tanggungjawab antara ibu apa dengan anak-anak, adab berbicara dan menjauhi sikap buruk sangka.

TANGGUNGJAWAB IBU BAPA TERHADAP ANAK

Umum mengetahui, masalah keruntuhan moral adalah suatu isu yang membimbangkan dan menghantui setiap anggota masyarakat. Daripada isu gejala dadah, keruntuhan akhlak dalam kalangan muda-belia, pergaulan bebas, kejadian rogol dan jenayah, seks rambang serta perlakuan seks di bawah umur; semuanya menjadi kemelut yang melanda hebat anggota masyarakat tanpa mengira di mana.

Secara umumnya, pelbagai faktor telah diajukan sebagai faktor penyebab perkara ini terjadi. Antara lain, punca terjadinya fenomena ini dikatakan berkait-rapat dengan masalah didikan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, pendedahan kepada dunia maklumat yang serba maju dan canggih, dorongan/desakan rasa ingin tahu dalam diri individu dan sebagainya. Sungguhpun begitu, antara faktor yang dikatakan memainkan peranan penting ialah didikan ibu bapa. Umum mengetahui, sekiranya seseorang individu itu menerima didikan dan

asuhan yang kukuh dan mantap daripada ibu bapa, sama ada dari aspek jasmani dan rohani, maka hal ini mungkin dapat diatasi. Berhubung hal ini, gurindam Melayu ada menyebutkan:

Apabila anak tiada dilatih

Jika besar bapanya letih

Dengan anak janganlah alpa

Supaya malu jangan menimpa.

(dlm. Harun Aminurrashid, 1960: 90)

Rata-rata ibu bapa dianggap bertanggungjawab dalam memberikan didikan yang berguna kepada anak-anak. Ibu bapa yang berjaya mendidik anak-anak menjadi manusia yang berguna kepada agama, bangsa dan negara akan disanjung tinggi oleh masyarakat. Kajian menunjukkan peranan ibu bapa adalah penting dalam membentuk proses sosialisasi dalam kalangan anak-anak kerana proses pendidikan adalah bermula di rumah. Ibu bapa adalah orang terbaik untuk menjadi *role-model* kepada anak-anak; yang kemudian baharulah guru pula memainkan peranannya (setiap guru pula harus melayakkan diri mereka untuk dijadikan *role-model*). Kelalaian dan kealpaan ibu bapa memberi perhatian kepada anak-anak; lantaran bekerja dan sibuk meningkatkan taraf hidup kerana terpaksa melalui corak kehidupan yang pantas sering dijuhahkan sebagai sebab mengapa mereka lupa tanggungjawab terhadap anak-anak. Hal ini seterusnya dikatakan mendatangkan akibat yang negatif kepada anak-anak dan membuat mereka lebih mudah terjebak dalam gejala sosial yang tidak sihat. Oleh itu, bertepatan dengan apa yang terkandung dalam gurindam itu, anak-anak akan mendatangkan kesusahan dan 'keletihan' serta memberi malu kepada ibu bapa sekiranya mereka tidak dilatih dan diberi perhatian yang sewajarnya.

Sulak Sivarasa (1977 : 17) dalam artikelnya «Religion and Development» ada mengatakan :

Participation in development does not mean abandoning religious values, but rather utilizing them in development. Religion should do two things; uphold good society and seek for change when society is oppressive.

Berdasarkan petikan di atas, dapatlah dikatakan bahawa agama memainkan peranan penting dalam menganjurkan proses pendidikan terhadap anak-anak. Peri pentingnya didikan anak yang sempurna, khususnya dari segi agama sangat ditekankan dalam agama.

Menurut kacamata Islam, anak-anak adalah amanat Allah kepada golongan ibu bapa yang harus dirawat dan diasuh dengan penuh tanggungjawab. Apabila ibu bapa mampu dan pandai mengurus serta mendidik anaknya, maka InsyaAllah anak tersebut akan menjadi anak yang berguna kelak. Sebaliknya, jika ibu bapa

gagal dalam memberikan didikan yang sempurna kepada anak-anak khususnya didikan agama, akan rosaklah hidup anak berkenaan. Memberikan pendidikan agama yang cukup dan berkesan adalah satu kaedah terbaik ke arah pembangunan insan khususnya untuk membentuk peribadi yang bersahsiah daklam kalangan anak-anak dan muda remaja.

Berdasarkan perbincangan tersebut, dapatlah difahami bagaimana perisian yang terdapat dalam gurindam boleh dimanfaatkan untuk memberi mesej dan peringatan kepada khalayak. Komunikasi moral yang disalurkan dalam gurindam tersebut bertindak sebagai satu medium yang berkesan untuk menyalurkan nasihat dan panduan berkenaan peri pentingnya ibu bapa memberi didikan yang sempurna khususnya agama terhadap anak-anak mereka.

TANGGUNGJAWAB ANAK TERHADAP IBU BAPA

Gurindam Melayu tidak sahaja memperkatakan tentang peranan ibu bapa dalam pembentukan sahsiah diri anak, malah turut menggariskan panduan dan ingatan akan tanggungjawab anak terhadap ibu bapa. Peringatan ini dapat dilihat dalam fasal 10 *Gurindam Dua Belas*.

Dengan bapa jangan derhaka

Supaya Allah tidak murka

Dengan ibu hendaklah hormat

Supaya badan dapat selamat.

(dlm. Harun Aminurrashid, 1960: 91)

Nasihat ini ditujukan kepada golongan anaktanpa mengira sama ada mereka sudah berumahtangga atau tidak. Antara tanggungjawab anak semasa kedua ibu bapa mereka masih hidup adalah seperti tidak menderhaka kepada ibu bapa, berbuat baik, berlemah lembut, berbudi bahasa, tidak tamak untuk berbelanja untuk keperluan ibu bapa dan sebagainya. Terdapat banyak nasihat tentang perlunya anak-anak berlemah lembut dan berbudi bahasa ketika bercakap dengan kedua ibu bapa mereka. Sifat lemah lembut serta berbudi mulia ini dikatakan dapat menambat hati ibu bapa serta mewujudkan ketenteraman dalam diri mereka. Begitu juga setiap anak dinasihatkan taat kepada ibu bapa selagi perintah mereka tidak melanggar ajaran agama Islam.

Sikap derhaka kepada dua ibu bapa misalnya, dikatakan membawa akibat yang buruk dan hina. Ia malah boleh disetarafkan dengan orang-orang musyrikin yang menyekutukan Allah SWT. Justeru, derhaka kepada ibu bapa adalah satu kejahatan yang keji, gambaran hitam, buruk dan hina. Menurut Islam, derhaka kepada ibu bapa adalah dosa yang paling besar di sisi Allah sehinggakan anak yang derhaka itu tidak akan dapat masuk ke syurga.

Kewajiban untuk berbuat baik kepada ibu bapa suatu hal yang sangat ditekankan

oleh agama Islam, dan boleh dikatakan menduduki urutan nombor dua sesudah kewajiban untuk mentaati Tuhan dan RasulNya. Bersesuaian dengan kenyataan ini, maka pelanggaran atas kewajiban tersebut mendatangkan akibat yang sangat berat. Dalam hal ini, Rasulullah SAW. bersabda:

Sebesar-besar dosa besar itu ialah menyekutukan Allah, membunuh orang, durhaka kepada ibu bapa, dan berkata dusta menjadi saksi palsu». (Riwayat Bukhari).

(dlm. Humaidi Tatapangarsa, 1980 : 113)

Berdasarkan perisian dalam gurindam yang telah dibincangkan itu tadi jelaslah betapa pentingnya bertanggungjawab terhadap apa yang telah diamanahkan oleh Allah SWT. Ibu bapa dituntut memberikan pendidikan yang sewajarnya kepada anak-anak kerana merekalah yang dapat mencorakkan bentuk kehidupan anak-anak mereka. Bagi pihak anak-anak pula, mereka dituntut untuk mentaati dan patuh terhadap ibu bapa selagi mereka (ibu bapa) tidak memaksa anak-anak melakukan perbuatan yang mungkar.

Gurindam tersebut seperti yang telah dibincangkan memperlihatkan bagaimana mesej peri pentingnya sikap seorang anak yang mesti bertanggungjawab kepada ibu bapa mereka dapat disalurkan. Dalam hal ini, nyatalah komunikasi moral yang terdapat dalam gurindam tersebut dapat diajukan kepada khalayak agar mereka (khususnya golongan anak-anak) dapat mengambil iktibar dan juga peringatan tentang tanggungjawab mereka terhadap orang tua.

ADAB BERBICARA

Selain dari kurniaan akal, Allah melebihkan manusia daripada makhluk-makhluk lain dengan kebolehan bertutur dan berbicara. Justeru itu, berbicara adalah satu nikmat Allah yang terbesar yang diberikan kepada manusia. Sehubungan dengan ini, Muhammad Al-Ghazali (1997: 163) mengatakan, «Lidah yang bebas adalah umpama tali yang dilepas dari tangan syaitan yang akan menjerat dan mengendalikan manusia menurut kehendaknya. Jika manusia tidak dapat menguasai urusannya (dengan lidahnya), maka mulutnya menjadi lubang tempat membuang kotoran.»

Perkara yang sama ini ada disinggung dalam *Gurindam Dua Belas* fasal 4 oleh Raja Ali Haji seperti yang berikut:

Barangsiapa perkataan kotor

Mulutnya itu umpama ketur

(dlm. Abu Hassan Sham, 1993: 101)

Ketur membawa maksud «perludahan» atau bekas untuk meludah (Kamus Am, 1995: 516). Bertepatan dengan fungsinya yang digunakan untuk «menerima bahan kotoran yang diluahkan dari mulut», begitulah ia melambangkan betapa

hinanya dan rendahnya martabat orang yang suka melafazkan kata-kata yang keji, kotor, berbau maksiat dengan segala macam cercaan.

Sehubungan dengan soal berbicara ini juga, perkara-perkara yang berkaitan dengannya ada disentuh dalam gurindam. Hal ini termasuklah soal yang berkaitan dengan perbuatan mengumpat, mencerca, membuat pertuduhan fitnahdan sebagainya. Raja Ali Haji dalam gurindamnya ada menyatakan:

Apabila banyak mencela orang

Itulah tanda dirinya kurang.

(dlm. Abu Hassan Sham, 1993: 90)

Mengumpat dan memuji hendaklah fikir

Di situlah banyak orang tergelincir.

(dlm. Abu Hassan Sham, 1993: 101)

Berhubung dengan adab berbicara ini, terdapat satu hadis yang diriwayatkan oleh Baihaqi yang antara lainya mengatakan:

Sesungguhnya seseorang yang mengucapkan kata-kata, ia tidak mengatakannya, kecuali hanya untuk menarik orang (hadirin/ majlis) agar mereka tertawa, maka ia meluncur kepada kehinaan lebih jauh dari jarak antara langit dan bumi. Dan sesungguhnya lidah seseorang yang tergelincir, lebih berbahaya daripada tergelincir.

(Muhammad Al-Ghazali, 1997: 165)

Gurindam dan hadis tersebut merupakan peringatan yang jelas dan nyata tentang peri pentingnya percakapan itu dijaga dengan hati-hati. Hal ini adalah untuk mengelak kecelakaan seperti yang dinyatakan menerusi petikan gurindam dan hadis berkenaan.

Dalam hal yang berkaitan, seseorang yang banyak berkata-kata (sama ada dalam hal memuji, mengeji atau selainnya) turut terdedah kepada perkara yang tidak baik. Hal ini turut disinggung dalam gurindam Raja Ali Haji seperti yang berikut :

Apabila banyak berkata-kata

Di situlah jalan masuk dusta

(dlm. Harun Aminurrashid, 1960: 90)

Gurindam tersebut sejajar dengan apa yang dimaksudkan oleh Muhammad Al-Ghazali (berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Baihaqi) yang begitu menitikberatkan tentang adab apabila berbicara. Orang yang terlalu

banyak berkata-kata mungkin akan menerima kesan/akibat yang kurang baik. Peribahasa Melayu juga ada berbunyi, «terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata badan binasa.» «cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar.» Gurindam tersebut memungkinkan kebenaran bahawa keasyikan berkata-kata, boleh menyinggung perasaan orang yang mendengar; atau pelbagai peristiwa yang dusta boleh turut termasuk dalam perbicaraan. Bertolak daripada kemungkinan tersebut, maka dapatlah dirumuskan adalah lebih baik seseorang individu itu mengelakkan diri daripada banyak berkata-kata, kecuali pada hal-hal atau masa yang wajar demi mengelakkan berlakunya kemungkaran atau perkara-perkara yang tidak baik.

Islam sendiri ada menganjurkan bahawa adalah lebih baik bersikap diam jika tidak perlu berbicara. Dalam hal ini Rasulullah SAW. ada bersabda:

Hendaknya engkau lebih baik diam, sebab diam itu menyingkirkan syaitan, dan menolong bagimu dalam urusan agama.

(Muhammad Al-Ghazali, 1997:62)

Menerusi hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT., telah diaturkan balasan hukuman pelanggaran akhlak. Bertepatan dengan perbuatan orang yang suka mengumpat, mencerca terhadap orang lain, maka orang itu akan diberi seksa dan azab sebagaimana firman Allah SWT. dalam Al-Quran yang bermaksud:

*Celakalah bagi tiap-tiap orang yang mengumpat
dan mencaci kelakuan orang.*

(al-Humazah: 1)

Sebagaimana diketahui umum, Islam tidak menyukai sesuatu yang bukan-bukan, ucapan dan perbuatan yang tidak ada hujung pangkalnya. Allah memberi bimbingan kepada manusia, agar manusia berbicara dengan perkataan yang baik dan membiasakan diri dengan ucapan-ucapan yang baik, kerana melahirkan isi hati yang baik dengan ucapan perkataan yang baik merupakan sopan santun yang tinggi.

Berhubung hal ini, gurindam Melayu turut menyentuh akan peri pentingnya seseorang menjaga pertuturannya. Percakapan seseorang itu sesungguhnya menggambarkan keperibadian diri. Hal ini dinyatakan dalam *Gurindam Dua Belas*:

*Apabila terpelihara lidah
Nescaya dapat daripadanya faedah
Jika hendak mengenal berbangsa
Lihat kepada budi dan bahasa.*

(dlm. Harun Aminurrashid, 190: 89)

Gurindam ini memaklumkan betapa lidah amat berkuasa memainkan peranan dalam hidup kita. Bersesuaian dengan ungkapan «lidah itu lebih tajam daripada mata pedang», dapat memberi manfaat yang besar dan bermakna sekiranya tutur bicara diajukan kepada perkara yang sihat dan benar. Malah, adalah tidak keterlaluan jika dikatakan «orang yang berbangsa» itu dapat dinilai/ditentukan daripada budi bahasa yang mereka miliki. Hal ini diperakui oleh pelbagai pepatah-petitih Melayu.

Sebagai perbandingan, selain gurindam, pantun Melayu turut membicarakan hal-hal yang sama iaitu menjelaskan lagi betapa budi bahasa dapat menyerlahkan kesantunan diri. Contohnya seperti pantun ini:

Perigi dikatakan telaga

Tempat budak berulang mandi

Emas merah ada berharga

Budi bahasa bernilai abadi

(dlm. Mohd. Taib Osman, 1975: 21)

Anak Cina membawa surat

Dari Perak langsung ke Deli

Hidup di dunia biar beradat

Bahasa tidak dijual beli.

(dlm. Mohd. Yusof Md. Nor, 1985: 12)

Islam juga menekankan pentingnya penuturan yang baik amat ditekankan oleh Islam. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Ya'la:

Sungguh engkau tidak akan dapat memberikan kelapangan orang dengan harta-hartamu, tapi kamu dapat memberikan kelapangan kepada mereka dengan muka yang berseri-seri dan budi pekerti yang baik (kamu tidak akan memperoleh wibawa hanya kerana harta benda, tetapi kamu akan dihormati oleh orang lain kerana muka yang berseri-seri dan budi pekerti yang baik).

(dlm. Muhammad Al-Ghazali, 1997: 167)

Begitu juga dengan firman Allah SWT. dalam Al-Quransurah Al-Isra': 53 yang bermaksud:

Dan katakanlah kepada hamba-hambaKu:»Hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang lebih baik (benar). Sesungguhnya

*syaitan itu menimbulkan perselisihan di antara mereka.
Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia.*

Berdasarkan huraian-huraian tersebut, dapatlah dikatakan bahawa ucapan-ucapan yang baik bukan sahaja dapat mencerminkan keperibadian seseorang, malah ia membawa pelbagai manfaat kepada masyarakat. Kata-kata yang baik dapat mengeratkan persahabatan, memperteguhkan tali perhubungan dan persaudaraan yang paling penting, mengelakkan diri dari timbulnya persengketaan.

Dalam konteks medium komunikasi, gurindam yang dinyatakan telah berfungsi sebagai medium yang dapat menyalurkan komunikasi moral dengan berkesan. Diksi-diksi yang digunakan dalam gurindam berkenaan bukan sahaja padat dan bernas dengan unsur nasihat, malah sarat dengan pemikiran tinggi yang dapat menyampaikan mesej yang berkualiti kepada para khalayak berhubung dengan adab berbicara.

BURUK SANGKA

Berkaitan dengan persoalan moral, *Gurindam Dua Belas* oleh Raja Ali Haji juga turut menyentuh tentang akhlak atau perilaku yang tidak baik iaitu sikap berburuk sangka. Buruk sangka dapatlah juga disamakan dengan sikap ragu dan menuduh tanpa sebarang bukti. Sikap ini seharusnya dijauhi dalam kehidupan manusia kerana ia boleh menjejaskan kualiti ketenteraman kehidupan akibat persengketaan yang timbul, yang berpunca apabila manusia terpengaruh dan dikuasai sikap negatif ini. Hal ini dinyatakan dalam *Gurindam Dua Belas* berikut:

Apabila kita kurang siasat

Itulah tanda pekerjaan hendak sesat

(dlm. Abu Hassan Sham, 1993 : 280)

Berdasarkan gurindam tersebut, nyatalah apabila seseorang itu memiliki sikap buruk sangka, berasa ragu serta menuduh tanpa sebarang bukti akan menjadikan dirinya 'sesat' dalam sebarang tindak tanduk dan urusan kehidupan yang diilaluinya. Hal ini seterusnya berkemungkinan akan mendatangkan kesan yang tidak baik dalam kehidupan sosialnya dalam masyarakat. Sesungguhnya, sikap buruk seperti ini harus dijauhi; sebaliknya adalah lebih baik apabila seseorang itu memiliki sikap saling percaya, setia serta ikhlas dalam kehidupannya.

Berhubung hal ini, dalam al-Quran (Surah al-Hujurat :12) Allah SWT.ada berfirman yang bermaksud:

*Hai orang-orang beriman, jauhilah kebanyakan dari prasangka,
sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa (al-
Hujurat :12)*

(Yusof Al-Qardhawi, 2013:256)

Berdasarkan firman Allah tersebut, Yusof Al-Qardhawi (2013 :256) mengatakan manusia (khususnya seseorang muslim) tidak boleh mempunyai sangkaan yang buruk kepada saudaranya tanpa bukti dan alasan yang kukuh. Itulah yang disebut dengan buruk sangka. Secara umumnya, manusia adalah bersih sehingga tidak patut ada prasangka dan tuduhan yang menodainya.

Beliau juga (2013: 256) menjelaskan hal yang berkaitan dengan persangkaan buruk ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW.yangbersabda:

Takutlah kalian dengan persangkaan, kerana sangkaan adalah berita paling dusta (Riwayat al-Bukhari)

Menurut Yusof Al-Qardhawi, secara manusiawinya, manusia tidak akan lepas daripada bisikan dan prasangka, terutama kepada seseorang yang hubungannya sedang tidak harmoni dengan dirinya. Sungguhpun begitu, hal ini tidak bermakna seseorang itu membiarkan dirinya tenggelam dalam prasangka yang sedang dialaminya.

Gurindam tersebut mengajukan bagaimana seseorang itu tidak seharusnya memiliki sikap berburuk sangka kerana ia boleh menjejaskan kualiti kehidupan. Sikap buruk sangka sesungguhnya boleh mendatangkan kemusnahan dalam kehidupan, dan menyebabkan seseorang yang memiliki sikap itu disisihkan oleh anggota masyarakatnya. Dalam hal ini, nyatalah komunikasi moral yang terdapat dalam gurindam tersebut dapat diketengahkan kepada khalayak agar mereka mengambil iktibar dan ingatan tentang pentingnya seseorang itu berakhlak baik dalam proses sosialisasi sesuatu komuniti masyarakat.

Demikianlah istimewanya gurindam Melayu.Ia bukan sahaja digubah sarat dengan unsut nasihat yang padat dan kental, tetapi dalam berfungsi sebagai medium komunikasi yang menarik dan mengesankan sekiranya ia dihayati sedalam-dalamnya. Melalui medium perantaraan yang pelbagai, sama ada secara konvensional ataupun melalui penggunaan teknologi multimedia, fungsi gurindam sebagai penyalur komunikasi moral juga dapat diketengahkan kepada khalayak. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan bahawa “kesan arus penerbitan secara digital dan elektronik telah memajukan lagi kaedah penerbitan maklumat dalam laman web ... untuk mencapai objektif penyebaran maklumat serta memastikan keberkesanan sesuatu mesej yang hendak disampaikan kepada khalayak» (Satarah Ghaffari-Farhangi 1998 dlm. Mohd Azul Salleh & Nor Azita Ghani, 2003 : 25-26).

Penggunaan multimedia dalam hal ini dilihat dapat menyebarkan lagi gurindam yang agak kurang popular khususnya dalam konteks generasi masakini. Hal ini adalah kerana kebanyakannya (gurindam) hanya terdapat dan tercatat dalam buku-buku dan manuskrip lama selain diketengahkan kepada khalayak apabila terdapatnya majlis pembacaan puisi. Bertepatan seperti yang diajukan oleh Ika Destiana dan rakan (2013: 126-127), “tidak kira sama ada dari segi teknologi, politik, ekonomi, hiburan, sukan, isu semasa, segala maklumat

sangat mudah dan cepat didapati dari media sosial...kadang kala maklumat yang ada di media sosial tidak tertulis dalam surat khabar ataupun tersiar di kaca televisyen malah media sosial juga turut membantu menyebarkan budaya popular.”, penggunaan multimedia dilihat sebagai saluran yang berkesan untuk mengetengahkan gurindam yang boleh menjadi medium berkesan sebagai alat komunikasi moral dalam kehidupan sehari-hari.

KESIMPULAN

Huraian-huraian dalam perbincangan yang telah diajukan menunjukkan betapa gurindam Melayu tidak hanya tinggal dan dikenali sebagai puisi Melayu tradisional yang tidak berperanan. Sesungguhnya, perbincangan telah menyerlahkan bahawa gurindam berfungsi sebagai penjana kepada pembangunan akhlak dan sahsiah diri kepada seseorang individu, masyarakat mahupun kepada sesuatu bangsa. Hal ini dapat dilihat berdasarkan perisian-perisian di dalamnya yang banyak sekali menyentuh tentang persoalan moral yang tidak terhad batasannya. Pendekatan moral yang digunakan telah dapat merongkai dan menyerlahkan gurindam Melayu khususnya dari segi unsur-unsur falsafah, pemikiran, didaktis yang kesemuanya wajar dijadikan pula sebagai paksi dalam usaha mendidik, mengajar dan memandu para khalayak ke arah pembangunan moral yang murni. Melalui medium perantaraan yang pelbagai pula sama ada secara konvensional, media massa dan teknologi multimedia, gurindam yang sarat dengan falsafah, pemikiran serta pandangan yang berdaya intelektual tinggi ini dapat bertindak sebagai komunikasi moral yang secara tidak langsung dapat membentuk kesempurnaan sahsiah dan citra sesuatu bangsa sekiranya ia benar-benar didekati, dicintai dan digunapakai dalam kehidupan sehari-hari.

BIODATA PENULIS

Zubir Idris merupakan Pensyarah Kanan di Program Persuratan Melayu, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional dengan pengkhususan Kajian Manuskrip Melayu dan Historiografi Melayu Tradisional.

(*zidris@ukm.edu.my*)

RUJUKAN

- Abu Hassan Sham. (1993). *Puisi-Puisi Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Alwi Salim. (1983). *Puisi Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- H. Mahmud Yunus. T.t. *Tafsir Quran Karim*.
- Harun Aminurrashid. (1960). *Kajian Puisi Melayu*. Singapore: Pustaka Melayu
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre Dan Fungsi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Humaidi Tatapangarsa. (1980). *Akhlaq Yang Mulia*. Surabaya: PT Bina Ilmu.
- Ika Destiana, Ali Salman & Mohd. Helmi Abd. Rahim. (2013). Penerimaan Media Sosial: Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Di Palembang. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*. Jilid 29(2): 125-140
- Imam Ghazali. (1988). *Ihya' Ulumiddin* (terj. TK H. Ismail Yaakub, MA.SH). Singapura: Pustaka Nasional.
- Mana Sikana. (1998). *Teori Dan Kritikan Sastera Pascamodernisme*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti
- Md. Ali Bachik. (1989). *Himpunan Puisi Klasik*. Selangor: Marwilis Publishers.
- Mohd. Taib Osman. (1975). *Warisan Puisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusof Md. Nor dan Abd.Rahman Kaeh. (1985). *Puisi Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Al-Ghazali. (1997). *Akhlaq Seorang Muslim*. Selangor: Thinker's Library.
- Norhuda Salleh. (2014). Tepak Sirih: Komunikasi Bukan Lisan Dalam Adat Perkahwinan Melayu. *Jurnal Komunikasi Malaysian, Journal of Communication*. Jilid 30 (Special Issue), 177-190.
- Satareh Ghaffari-Farhangi 1998 dlm. Mohd Azul Salleh & Nor Azita Ghani. (2003). Pola Pemaparan Kandungan Maklumat Islam Menerusi Internet : Kajian Kes Terhadap Insitutu Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). *Jurnal Komunikasi*. Jilid 19, 23-37
- Sidi Gazalba. (1974). *Sistematika Filsafat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.
- Sulak Sivarasa, (1977). «Religion and Development» dlm. *Questioning development in Southeast Asia*. Singapore: Select Books (Pte). Ltd.
- Sutan Takdir Alisjahbana. (1971). *Puisi Lama*. Petaling Jaya : Zaman Baru Limited
- Syeikh Abd.Kadir b. Abdul Mutalib al-Indoneisyi al-Mandili. (1964). *Penawar bagi hati*. Pulau Pinang: al-Muarif.
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an (30) Juz*. (2000).

Terengganu : Percetakan Yayasan Islam Terengganu

- Yusof Al-Qardhawi. (2013). Halal Dan Haram Menurut Perspektif Islam. Johor Bahru : Perniagaan Jahabersa.
- Za'ba. (1962). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zubir Idris. (2001). "Pantun Melayu: Warisan Sepanjang Zaman" dlm. Sidek Fadzil dan rakan, *Persuratan Melayu: Dari Lontar ke Layar*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, FSKK, Universiti Kebangsaan Malaysia.